



NEWSLETTER

Disediakan oleh:
YUSNITA MOHD YUSOF
Timbalan Pengarah, BPIP

EVOLUSI FDI DI MALAYSIA

Pendahuluan

- FDI merupakan salah satu penunjuk penting dalam menilai prestasi ekonomi sesebuah negara sejak dekad yang lalu.
- Ekonomi Malaysia telah mengalami peralihan dari aktiviti Pertanian pada tahun 1970-an, seterusnya Pembuatan pada tahun 1990-an dan diikuti oleh Perkhidmatan pada tahun 2000-an.

Definisi & Konsep

Pelaburan Langsung Asing (FDI)

- Pelaburan dari **pelabur langsung asing** (luar negeri) dalam syarikat di Malaysia.
- Syarikat asing yang memiliki sekurang-kurangnya **10 peratus pegangan ekuiti** syarikat di Malaysia.
- Meliputi pelaburan dalam bentuk instrumen kewangan.
- Terdiri daripada ekuiti & dana pelaburan saham (termasuk perolehan dilabur semula) dan instrumen hutang seperti pinjaman antara syarikat, kredit perdagangan dll.

FDI 1970-1980

Akta Intensif Pelaburan 1968 dan Akta Zon Perdagangan Bebas pada tahun 1971 telah diperkenalkan bagi menarik pelabur asing dengan penekanan kepada industri yang berorientasikan eksport. Ini telah menyumbang kepada peningkatan pelaburan asing sejak penghujung dekad 1980-an.

FDI 1990

Aliran FDI meningkat pada awal tahun 1990-an disebabkan syarat kelulusan ekuiti FDI dilonggarkan sebelum akhir 1990. Peningkatan ini adalah kesan daripada kelonggaran syarat pegangan ekuiti. Kelonggaran pegangan ekuiti di Malaysia dengan mengambil kira kebenaran untuk pegangan ekuiti 100 peratus.

Pelaburan Langsung Asing
(FDI) di Malaysia



MALAYSIA


Pelaburan Langsung Malaysia di
Luar Negeri (DIA)



Prestasi FDI Malaysia

- Arah aliran FDI didapati terus stabil sejak dari tahun 2001 hingga 2019.
- Sumbangan FDI kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia dari 0.6 peratus pada tahun 2001 kepada 2.2 peratus pada tahun 2019. Trend aliran FDI didapati terus stabil sejak dari tahun 2001 hingga 2019.

Prestasi FDI Malaysia 1980 - 2019




- Pada tahun **2001**, aliran FDI mencatatkan aliran masuk yang rendah dipengaruhi oleh kelembapan ekonomi global.
- Trend ini dilihat pada tahun **2009**, aliran FDI mencatatkan aliran masuk lebih rendah turut dipengaruhi oleh krisis kewangan global.
- Aliran FDI mencapai paras yang tertinggi pada **2016** dengan nilai RM47.0 bilion, disumbangkan oleh sektor Perkhidmatan terutamanya dalam kewangan.
- Pada tahun **2017**, FDI Malaysia merekodkan aliran masuk bersih RM40.4 bilion dan kekal disumbangkan oleh sektor Perkhidmatan.
- Pada **2018**, trend aliran FDI berterusan merekodkan penurunan disumbangkan oleh pelaburan yang lebih rendah terutamanya dalam sektor minyak dan gas.
- Sektor Perkhidmatan kekal penyumbang kepada Aliran FDI pada 2019, terutamanya dalam aktiviti kesihatan.

Sumbangan dan Nilai FDI Mengikut Sektor

Sektor Utama	2009	2016	2019
Perkhidmatan	RM3.8b 73.9%	RM23.9b 50.9%	RM17.0b 53.6%
Pembuatan	-RM1.7b -34.0%	RM12.1b 25.8%	RM7.2b 22.8%
Perombongan & pengkuarian	RM3.3b 63.8%	RM8.2b 17.5%	RM5.1b 16.0%
Lain-lain	-RM0.2b -3.7%	RM2.8b 5.8%	RM2.4b 7.6%

FDI Mengikut Sektor

Prestasi Aliran FDI Mengikut Sektor, 2008 - 2019



- FDI dalam sektor ekonomi meliputi bidang Pertanian, Perlombongan, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan.
- Untuk tempoh 2008 hingga 2019, didapati sektor Perkhidmatan menunjukkan trend yang meningkat sepanjang tahun berbanding sektor Pertanian, Pembinaan, Pembuatan dan Perlombongan. Manakala Perlombongan menunjukkan aliran yang perlahan. Walaubagaimanapun, masih kekal memberi sumbangan kepada ekonomi.
- Sektor Perkhidmatan mencatatkan aliran masuk tertinggi sektor ekonomi pada 2016 dengan nilai RM23.9 bilion dan paling rendah adalah dari sektor Perlombongan pada tahun 2008 disebabkan oleh aliran keluar ke syarikat induk di luar negara.

FDI Mengikut Negara Utama

2017



Hong Kong



China



Singapore

Hong Kong sebagai penyumbang utama dengan aliran FDI RM8.9 bilion, sementara **China** (RM6.9 bilion) sebagai penyumbang kedua terbesar.

2018



Hong Kong



USA



Japan

Penyumbang tertinggi FDI 2018 adalah **Hong Kong** RM7.2 bilion, diikuti **USA** (RM7.1 bilion) dan **Japan** (RM5.0 bilion).

2019



Japan



Hong Kong



Netherlands

Japan (RM10.4 bilion), **Hong Kong** (RM8.6 bilion) dan **Netherlands** (RM3.9 bilion) merupakan tiga negara utama penyumbang dalam aliran FDI 2019.

3

FDI Mengikuti Komponen

Nilai dan Sumbangan FDI mengikut Komponen, 2017 - 2019

	2017	2018	2019
Ekuiti & dana pelaburan saham	RM35.1b (87.0%)	RM26.0b (84.6%)	RM24.1b (76.2%)
Instrumen hutang	RM5.3b (13.0%)	RM4.7b (15.4%)	RM7.6b (23.8%)
Jumlah	RM40.4b	RM30.7b	RM31.7b

- Statistik FDI merujuk kepada pelaburan dalam bentuk instrumen kewangan iaitu ekuiti & dana pelaburan saham dan instrumen hutang.
- Bagi tempoh 2017-2019, komponen utama menyumbang kepada aliran FDI adalah ekuiti & dana pelaburan saham yang merangkumi ekuiti dan perolehan yang dilabur semula.
- Instrumen hutang terdiri daripada pelbagai sekuriti hutang seperti pinjaman, matawang dan deposit, kredit Perdagangan serta sekuriti hutang.

Jangkaan Impak COVID-19 kepada FDI 2020

Badan Antarabangsa



"Foreign direct investment. EMDEs in EAP account for about a third of all FDI inflows to the world's EMDEs. With an exception of several smaller EAP economies, FDI inflows finance current account deficit in all EAP countries that have current account deficits."-World Bank East Asia And Pacific Economic Update April 2020



"The outbreak and spread of Coronavirus (Covid-19) will negatively affect global foreign direct investment (FDI) flows. With scenarios of the spread of the epidemic ranging from short-term stabilization to continuation throughout the year, the downward pressure on FDI will be -5% to -15% (compared to previous forecasts projecting marginal growth in the FDI trend for 2020-2021)."- Investment Trends Monitor, March 2020"



"Economic prospects for 2020 are clouded by the expected impact of COVID-19, resulting from the global economic downturn and travel restrictions which adversely affect tourism flows, **foreign direct investment** and remittances. Coordinated support from Cabo Verde's development partners will be needed to support the authorities' efforts in addressing the economic and social impact of COVID-19" - IMF

Bagaimana COVID-19 memberi kesan dalam Penyusunan Statistik FDI



- **Keuntungan :**
Akan diterjemahkan sebagai perolehan dilaburkan semula (komponen utama FDI).
- **Ekuiti :**
Jangkaan akan berlaku penanguhan pelaburan.

Expected impact on global FDI flows in 2020 -2021

Scenario	Downward pressure on global FDI flows
1 Covid-19 controlled in H1 2020	-5%
2 Covid-19 continued impact through 2020	-15%

Earnings losses and potential relevance for reinvested earnings

Average earnings revisions due to Covid-19 to date for the Top 5000 MNEs	Share of reinvested earnings in FDI
-9%	World 52%
-6%	Developed 61%
-16%	Developing 40%
-1%	Africa 27%
-18%	Asia 41%
-6%	Latin America/Caribbean 43%
-10%	Transition economies 93%

Sumber: UNCTAD

PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

4

